



Bee Island bukan sekadar kelulut

Penduduk kampung jana pendapatan ekstra

■ HABSIAH ISMAIL

Suasana cukup tenang, tiupan angin amat mendamaikan sesiapa sahaja sambil dihidangkan pemandangan arus sungai yang sejuk mata memandangi.

Kampung Pulau Tengah, lokasinya bukan jauh di belantara, sebaliknya hanya beberapa minit berkenderaan dari Hospital Universiti Sains Malaysia (HUSM) Kubang Kerian.

Berpotensi menjadi pusat pelancongan pada masa akan datang, kampung ini dikatakan pernah dirisik seorang jutawan hartanah untuk dijadikan pusat rekreasi mewah, namun ditolak oleh masyarakat sekeliling.

Koloni kelulut di setiap rumah

Bagi yang pertama kali ke sini, mereka pasti teruja apabila melihat setiap rumah di kawasan itu dihiasi lamannya dengan tunggul kayu yang mempunyai koloni kelulut.

Di penghujung kampung pula, pengunjung juga akan dapat menyaksikan ratusan koloni kelulut yang dianggap terbesar di Kelantan.

Beberapa inap desa juga telah dibangunkan masyarakat kampung, sesuai dengan hasrat pengunjung yang datang untuk mempelajari mengenai penternakan kelulut, selain menikmati keindahan alam.

Seorang anak muda selaku arkitek merancang semua ini, Mohd Hiyamuddin Ghazali, 34, atau lebih dikenal sebagai Syam, nyata berjaya mempertaruhkan idea kreatifnya bagi membangunkan industri kelulut dengan menjadikan ia

sebagai projek integrasi melibatkan masyarakat kampung.

Graduan Bachelor Sains Perniagaan Tani Universiti Putra (UPM) berasal dari Pasir Mas ini seorang yang sangat obses dengan pertanian.

Pengedar koloni kelulut

Bermula dengan hanya beberapa koloni kelulut, kini syarikatnya sudah mempunyai ribuan koloni termasuk membuka ladang di beberapa negeri termasuk Selangor dan Pahang.

Selain itu, beliau turut menjadi pengedar koloni kelulut bagi mereka yang mengusahakan industri ini, selain turut menganjurkan kursus menternak kelulut di seluruh negara.

Berkat kegigihannya, beliau memenangi pertandingan Rural Business Challenge (RBC) di bawah Kementerian Luar Bandar dan Wilayah, selain diiktiraf Usahawan Jaya Peringkat Negeri Kelantan 2015.

Kampung jadi pusat pelancongan

Tidak cukup dengan itu, bekas kakitangan anak syarikat kerajaan Kelantan ini juga bercita-cita besar menjadikan Pulau Tengah daripada sebuah kampung sepi, kepada pusat pelancongan berasaskan produk pertanian.

"Kampung ini bukan sahaja dekat dengan tempat kerja isteri yang bertugas di HUSM, malah kawasan yang mesra penduduk serta lokasi strategik berdekatan sungai turut memberi inspirasi.

"Orang kampung, baik yang tua dan muda semuanya bersemangat untuk menjana pendapatan,



Inap desa di Pulau Tengah berbentuk rumah kampung.

malah mereka beri galakan dengan menyertai perusahaan kelulut, selain mempunyai bakat dalam kraf tangan, kesenian serta jiwa sayangkan kampung sendiri," katanya.

Bercerita lanjut mengenai apa yang dilakukan kini, Syam berkata, beliau tekad membeli sebidang tanah di kampung itu kerana tertarik dengan keindahan semulajadi kampung dikelilingi air sungai semula jadi.

Hasil sungai lumayan

Menurutnya di kawasan itu, sumber akuatikinya masih semula jadi dan mempunyai hasil sungai seperti ketam nipah, udang galah, siakap selain kehadiran kelip-kelip yang menjadi tarikan pada waktu malam.

"Kalau dana mencukupi, saya dan penduduk kampung mahu menambah bilangan inap desa, mereka boleh datang dan lihat proses mendapatkan madu kelulut," katanya.

Selain itu, banyak potensi ada di kampung ini termasuk sewa perahu, taman kelip-kelip, lukisan landskap, dan nasi ulam.

"Di sungai ini ada ikan siakap, ketam nipah, udang galah, udang harimau dan lukan yang boleh didapati mengikut musimnya.

Pengunjung boleh menyewa bot untuk memancing. Sekali cuba menaik perahu ini, ia pasti menjadi kenangan tidak akan dilupakan," katanya.

Sementara itu, bagi pemilik Homestay MZD



Makan santai di pinggir sungai di Pulau Tengah.

Camp, Mohd Daud Awang, 73, atau mesra dipanggil Poksu berkata, beliau memuji langkah Syam yang melibatkan masyarakat kampung dalam memajukan perniagaan kelulutnya.

Satukan masyarakat melalui perniagaan

Menurutnya, langkah menyatukan masyarakat melalui perniagaan sangat memberi manfaat kepada penduduk kampung, sekaligus menjaga ekonomi setempat.

"Saya sediakan inap desa berbentuk 'dorm' dan bilik boleh muat lebih 10 orang, juga ada dewan mesyuarat dengan menawarkan harga berpatutan, malah cetusan idea membina inap desa ini atas dasar mahu pengunjung datang ke sini.

"Kampung ini dikelilingi pulau yang mempunyai banyak sejarah. Dahulu orang panggil kampung ini Pengkalen Wakaf yang menjadi pangkalan menjual ikan dan budu menggunakan bot besar di sungai Pengkalen Datu pada tahun 1940-an," katanya.

Dalam pada itu, Restoran Astakora Riverview Island pula adalah gerai yang menggerakkan orang kampung memasak makanan kampung iaitu nasi ulam budu, malah beberapa menu lazat dan terkenal sejak dahulu turut disediakan.

"Di restoran tepi sungai ini, pengunjung boleh makan pulut kukus dimakan dengan kelapa parut dan ikan rebus goreng dan air kelapa, ayam goreng madu kelulut, nasi kerabu dan minuman pula istimewa iaitu teh madu kelulut yang segar," katanya.

Rumah atas pokok

Berdekatan restoran ini, terdapat tiga rumah dibina di atas pokok diperbuat daripada buluh, malah bagi pengunjung yang gemarkan suasana pinggir sungai, boleh menyewa tiga rumah itu dengan harga RM50 semalaman.

"Semua kemudahan termasuk katil dan dapur disediakan, sama seperti homestay, cuma ia diperbuat daripada buluh dan kayu terpakai yang direka khas oleh penduduk," katanya.



Mohd Zaini menunjukkan rumah atas pokok diperbuat dari buluh.